

Isnin

10 Oktober 2016



MALAYSIA

**MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH
AHLI DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA
Isnin, 10 Oktober 2016
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Dato' Sri Khairudin Samad
- Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin
- Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Salam sejahtera dan selamat pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan semula sebagai Ahli Dewan Negara kepada tiga Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator iaitu Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas; dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin seperti mana lafaz sumpah dan ikrar setia yang telah dilafazkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, ingin saya mengingatkan agar kita semua hendaklah berazam untuk memahami, menghayati, mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara Malaysia. Janganlah sekali-kali kita melanggar dan mengingkari sumpah dan ikrar setia yang telah kita lafazkan.

Sangatlah mustahak untuk Ahli yang dilantik agar membaca, memahami serta menjiwai dua buah dokumen yang penting iaitu *Perlembagaan Persekutuan* diikuti dengan *Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara*. Pastilah prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya akan membentuk seorang pemimpin yang berwibawa dan dihormati.

Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan ketiga-tiga Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator telah tamat Penggal Pertama dan dilantik semula bagi Penggal Kedua, Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator pasti telah mahir dalam peraturan-peraturan mesyuarat serta berpengalaman luas dalam hal ehwal Parlimen.

Justeru itu, saya menyeru agar Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator dapat memainkan peranan yang lebih strategik bagi memartabatkan dan memperkasakan Dewan Negara sebagai satu Dewan yang mulia.

Selain itu diharap Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator juga dapat membantu saya dalam mengantarabangsakan institusi Parlimen terutamanya Dewan Negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini maka selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini. Terima kasih [*Tepuk*]

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.08 pagi.